

Lebih 100 syarikat MSME sertai BruHAS 2018



MENTERI Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien (kiri) semasa menyampaikan cenderahati kepada Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin (kanan) selaku pembentang Kertas Perdana pada majlis tersebut (kiri). Sementara gambar kanan, Yang Berhormat melawat Ekspo Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-2.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Ogos. - Pameran Halal Brunei (BruHAS) 2018 yang dianjurkan oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian bermula 8 hingga 12 Ogos 2018 di Pusat Persidangan Antarabangsa (ICC), Berakas.

Majlis Pelancaran BruHAS 2018 berlangsung di Dewan Musyawarah ICC oleh Menteri Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mat Suny bin Haji Md. Hussien.

Terdahulu, Dekan Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dr. Hajah Nooraini bin Haji Mohiddin selaku Pengerusi Bersama Jawatankuasa Kerja BruHAS2018 semasa berucap antara lain berkata, BruHAS 2018 merupakan usaha negara

dalam membangunkan dan mengembangkan industri halal tempatan.

Ia bertujuan untuk mewujudkan kesedaran mengenai pembangunan industri halal tempatan dan seterusnya menyokong usaha MSME tempatan dalam perniagaan mereka untuk lebih kompetitif di peringkat antarabangsa dan peserta global.

Majlis diteruskan dengan pembentangan Kertas Perdana bertajuk 'Kekukuhan Industri Halalan Tayyiban Pemangkin Negara Zikir' yang disampaikan oleh Timbalan Mufti Kerajaan, Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Japar bin Haji Mat Dain @ Maidin.

Menurutnya, inisiatif mewujudkan dan mengembangkan industri Halalan Tayyiban ini adalah langkah yang tepat dan sesuai untuk mercialisasikan hasrat

menjadi Negara Zikir. Maksud Negara Zikir yang dihasratkan itu ialah rakyat dan penduduk yang mengisi Negara Brunei Darussalam akan hidup dengan disiplin yang tinggi terutamanya dalam mematuhi segala perintah Allah Subhanahu Wata'ala.

Antara perintah yang mesti dipatuhi itu tambahannya adalah menjaga permakanan kerana makanan mempunyai pengaruh yang besar bukan sahaja terhadap tumbesaran jasad manusia, tetapi kesan terhadap akhlak dan pemikiran.

Sesuai pelancaran, tetamu kehormat seterusnya mengadakan lawatan ke Ekspo Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-2.

BruHAS 2018 bertemakan 'Membangunkan Industri Halalan Thayyiban Ke Arah Mencapai Wawasan Negara 2035',

Oleh : Nooraini Haji Abas
Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said

menunjukkan bidang ekonomi halal yang lebih luas, termasuk dari syarikat sektor makanan dan minuman, farmaseutikal, penjagaan kosmetik dan penjagaan diri, fesyen dan perkhidmatan.

Ia bertujuan untuk membangunkan industri halal tempatan dengan meningkatkan kesedaran orang ramai mengenai pembangunan industri halal yang terkini dan penyelidikan akademik mengenai produk Halalan Thayyiban.

Di samping itu, untuk menyokong Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (MSME) untuk lebih kompetitif di peringkat antarabangsa melalui hubungan pemasaran dan hubungan dengan peserta pameran antarabangsa yang

menyertai BruHAS.

BruHAS 2018 turut menyediakan Ekspo Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban Ke-2, Seminar Antarabangsa Ke-3 mengenai Produk dan Perkhidmatan Halalan Thayyiban (SAPPHAT III), Seminar Pelaburan Perniagaan Halal, Klinik BruHAS dan Rangkaian Perniagaan dan Sesi Pemadaman. SAPPHAT III dianjurkan oleh Kementerian Tenaga (Tenaga dan Tenaga Manusia) dan Perindustrian dan juga UNISSA.

Lebih 100 syarikat MSME tempatan dan syarikat antarabangsa dari pelbagai sektor industri menyertai ekspo berkenaan yang bermula dari jam 9.00 pagi hingga 9.00 malam.

Pejabat Terbuka, Pusat Belia BSB dilancarkan



MENTERI Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin (kiri) semasa melancarkan Pejabat Terbuka di Pusat belia, sementara gambar kanan, Yang Berhormat Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan semasa menyempurnakan penyampaian Sijil Penghargaan kepada penyumbang kemudahan Pejabat Terbuka.

Berita dan Foto : Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 8 Ogos. - Penyediaan Pejabat Terbuka (Open Office), iaitu ruang khusus di Pusat Belia di ibu negara diharapkan akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh para belia khususnya dan para

lapisan masyarakat secara amnya. Demikian antara yang ditekankan oleh Pemangku Pengarah Belia dan Sukan, Awang Haji Zafri bin Haji Mohamed pada Majlis Pelancaran Pejabat Terbuka yang berlangsung di

Pusat Belia, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya melancarkan Pejabat Terbuka itu ialah Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, Yang Berhormat Mejar Jeneral (B) Dato Paduka Seri Awang Haji Aminuddin Ihsan bin Pehin Orang Kaya Saiful Mulok Dato Seri Paduka Haji Abidin.

Majlis juga diisikan dengan

bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dibacakan oleh Awang Haji Abdul Halim bin Haji Fuad, diikuti dengan penyampaian Sijil Penghargaan kepada penyumbang kemudahan Pejabat Terbuka.

Penggunaan prasarana-prasarana seperti yang akan dirasmikan hari ini, selain prasarana-prasarana di bawah

Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan yang sedia ada juga akan dikemaskinikan secara lebih strategik.

Diharap penyediaan ruang ini para belia membayar balik pelaburan kerajaan dalam menyediakan prasarana dengan memanfaatkan kemudahan yang disediakan dengan pengisian yang produktif jangan sampai usang atau kosong.

Penggunaan Pejabat Terbuka tersebut mempunyai beberapa peraturan yang diantaranya ialah menjaga keselamatan seluruh peralatan-peralatan dan kemudahan-kemudahan yang disediakan; bilik ruang Pejabat Terbuka adalah tanggungjawab pengguna sepenuhnya; peralatan kemudahan yang menggunakan kuasa tenaga elektrik di dalam bilik hendaklah dimatikan setiap kali selepas penggunaan dan waktu operasi Pejabat Terbuka setiap hari bermula jam 7.45 pagi hingga 12.00 tengah malam kecuali Khamis yang akan ditutup pada jam 6.00 petang, Jumaat pula akan ditutup bermula jam 11.45 pagi hingga 2.00 petang serta hari-hari kelepasan awam yang terpilih.

Manakala setiap pemakaian dibenarkan selama tiga jam sahaja dan setiap pemakaian hanya dibenarkan tidak lebih dari lapan ahli sahaja bagi memberi ruang kepada kumpulan belia yang lain.